

14 MAY 2002

Mahathir-Perundingan/I

DR MAHATHIR YAKIN AMERIKA YANG BERLEMBUT BOLEH KEMBALI JADI RAKAN DUNIA

Oleh: Jaafar Hussin dan E.Sivabalan

WASHINGTON, 14 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Amerika Syarikat boleh kembali menjadi sahabat kepada semua negara di dunia dengan bersikap lebih lembut terhadap mana-mana negara dan orang yang degil.

"Tak betullah jika saya berkata dunia masih melihat Amerika Syarikat sebagai rakan yang mereka pernah kenali.

"Namun, memang ada sebab dan kemungkinan bagi Amerika Syarikat dan rakyat Amerika untuk kembali menjadi rakan kepada semua negara," kata perdana menteri pada jamuan tengah hari bagi melancarkan badan Perundingan Persahabatan Malaysia-Amerika yang juga dikenali sebagai badan Perundingan Kerjasama Perdagangan, Keselamatan dan Ekonomi Malaysia.

Teks ucapan beliau diedar kepada media Malaysia oleh Pejabat Perdana Menteri di sini.

Jamuan secara tertutup itu yang berlangsung di dewan makan Speaker di Capitol Hill, dihadiri anggota-anggota Kongres Amerika. Badan perundingan itu yang dianggotai oleh ahli-ahli Kongres Amerika, bertujuan menyebarkan maklumat yang tepat mengenai Malaysia.

Dr Mahathir, yang sedang dalam rangka lawatan tiga hari ke Amerika Syarikat sejak Isnin, berkata manusia lazimnya bertindak balas secara positif terhadap pendekatan mesra daripada konfrontasi.

"Apabila tersepit, pihak yang paling lemah pun akan melawan. Kemenangan ke atas mereka ini tidak membawa erti yang besar," katanya.

Dr Mahathir berkata Amerika Syarikat dan rakyat Amerika amat disenangi tidak lama dulu.

"Di Malaysia, kami berterima kasih kepada Amerika kerana kami dibebaskan daripada penaklukan Jepun, sebahagian besarnya disebabkan oleh Amerika. Rakyat Amerika adalah wira kami dan rakan kami," katanya.

Perdana Menteri berkata Amerika dan rakyat Amerika adalah kawan baik kepada semua orang yang tertindas di dunia.

Dr Mahathir berkata dalam konfrontasi antara blok Komunis dan blok Barat, ramai yang memihak kepada Amerika dan Barat.

"Apabila konfrontasi itu berakhir dengan kekalahan blok Komunis, dunia melihat satu tempoh yang aman dan makmur yang belum pernah disaksikan sebelumnya. Malahan dunia menyambut baik peranan Amerika sebagai polis dan penjaga undang-undang dunia," katanya.

Sambil menyifatkan Barat sebagai tidak sabar, beliau berkata mereka mahukan perubahan mendadak.

"Perubahan mendadak, walaupun untuk tujuan baik, boleh membawa padah," katanya.

Dalam kes Myanmar, katanya, parti memerintah kini tidak begitu berkeras menentang peralihan ke arah demokrasi setelah mereka dipujuk oleh seorang rakyat Malaysia seperti yang diminta oleh Bangsa-bangsa Bersatu.

Rakyat Malaysia yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri itu ialah bekas presiden Bangsa-bangsa Bersatu Tan Sri Razali Ismail, yang kini Wakil Khas PBB ke Myanmar.

Dr Mahathir, yang suka berterus-terang, berkata rakyat Malaysia faham tentang keinginan rakyat Amerika untuk melihat kebebasan yang mereka nikmati turut dirasai oleh rakyat Malaysia dan juga orang lain.

Namun, katanya, rakyat Malaysia mengakui bahawa pada masa ini, mereka tidak dapat menerima kebebasan mutlak seperti yang dipegang oleh rakyat Amerika.

"Ada kebebasan tertentu yang anda nikmati, yang pada pendapat kami, tidak sesuai untuk kami. Kami harap anda boleh bertolak ansur dengan nilai kami yang berbeza. Mungkin, satu hari nanti kami akan dapat menyesuaikan diri dengan nilai anda.

"Tetapi buat masa ini, kami tidak selesai. Marilah kita raikan perbezaan ini kerana itulah yang menjadikan dunia ini menarik," kata Dr Mahathir.

Katanya jika rakyat Malaysia dan rakyat Amerika boleh terima hakikat bahawa perbezaan sentiasa akan wujud dalam budaya, nilai dan pendapat, maka mereka akan lebih toleran antara satu sama lain.

Perdana Menteri berkata bahawa pada masa ini Amerika boleh menggunakan kuasa dan kekuatannya.

"Sebaliknya anda tidak akan rugi apa-apa jika anda berbaik-baik dengan negara lain, bersabar dengan mereka dan memikat mereka untuk menyebelahi anda," katanya.

Dalam ucapannya itu, Dr Mahathir juga menyentuh mengenai usaha memerangi keganasan antarabangsa, dengan berkata bahawa dalam menentang penganas, dunia harus bertindak secara bersama dan memainkan peranan masing-masing.

-- BERNAMA

JH ES AHH MAI